

PROGRAM BANTUAN BAYARAN - UNTUK BUKAN SEWA BELI

9 JULAI 2021

No.	Soalan	Jawapan
1	Bagaimakah CIMB membantu para pelanggan yang terkesan ketika waktunya?	<p>Sejajar dengan pengumuman oleh Kerajaan Malaysia pada 28 Jun 2021, kami telah memperluaskan Program Bantuan Bayaran kami.</p> <p>Kami menawarkan pilihan bantuan yang berikut untuk Program ini:</p> <ul style="list-style-type: none">• Penangguhan bayaran selama 6 bulan; atau• Pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50% selama 6 bulan; <p>Kami menggesa pelanggan yang memerlukan bantuan untuk menghubungi kami bagi membincangkan pilihan bantuan kewangan yang bersesuaian. Pelanggan diberi jaminan bahawa sebarang bantuan kewangan yang mereka pilih tidak akan mempengaruhi status CCRIS ("Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat") mereka.</p>
2	Siapakah yang layak menyertai Program ini?	Semua pelanggan yang terkesan dari pandemik ini.
3	Adakah saya akan didaftarkan secara automatik untuk Program ini?	Tiada pendaftaran automatik untuk Program ini. Jika anda ingin menyertai Program bantuan ini, sila: <ul style="list-style-type: none">• Untuk kelulusan segera dan lancar, sila masukkan Kad Pengenalan dan 10 digit di no akaun pembiayaan di dalam eForm www.cimb.com.my/covid19support dan sila ikut arahan di skrin.• Sebagai alternatif, anda juga boleh menghubungi Pusat Panggilan kami di 03 6204 7788 atau mengunjungi cawangan CIMB atau e-mel kami di covidcare@cimb.com
4	Apakah produk pinjaman/pembiayaan yang termasuk dalam program ini?	Program Bantuan Bayaran ini ditawarkan untuk produk-produk berikut: <ul style="list-style-type: none">• Pinjaman / Pembiayaan Hartanah (termasuk pelepasan progresif*)• Pembiayaan ASB,• Pinjaman / Pembiayaan Peribadi (Pinjaman Xpress Cash, Pembiayaan-i Xpress Cash, Pinjaman Cash Plus & Pembiayaan-i Cash Plus, Pembiayaan Peribadi Sektor Awam-i).

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.

		<i>*Hanya bantuan bayaran selama 6 bulan dibenarkan untuk pembiayaan harta tanah yang dikeluarkan secara progresif</i>
5	Bagaimana pula dengan Pembiayaan Auto, adakah ia termasuk dalam program ini?	Pembiayaan Auto adalah sebahagian daripada Program Bantuan Bayaran kami, anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program Bantuan Bayaran untuk Pembiayaan Auto dengan melayari laman web kami di www.cimb.com.my/covid19support
6	Bagaimana pula dengan Overdraft / Cashline-i, adakah ia termasuk dalam program ini?	Overdraft/Cashline-i juga termasuk dalam Program Bantuan Bayaran kami. Jika anda ingin menyertai Program ini sila menghubungi Pusat Panggilan kami di 03 6204 7788 atau mengunjungi cawangan CIMB atau e-mel kami di covidcare@cimb.com
7	Akaun kad kredit saya masih aktif. Adakah saya layak untuk menyertai program ini?	Tidak. Terdapat program lain untuk Kad Kredit. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program Bantuan Bayaran untuk Kad Kredit dengan melayari laman web kami di www.cimb.com/covid19support
8	Bilakah Program ini akan bermula?	<p>Anda boleh membuat pilihan yang tersedia di bawah Program mulai dari 7 Julai 2021 dan seterusnya. Bantuan daripada Program ini akan bermula pada bulan yang seterusnya selepas pilihan / pengesahan pilihan anda.</p> <p>Jika anda membuat permohonan untuk menyertai Program ini pada bulan Julai 2021 dan inginkan bantuan program ini untuk bermula pada bulan yang sama, sila menghubungi kami.</p>
9	Ketika ini, saya masih berdaftar dalam Program Pelepasan Pembayaran yang lain, bolehkah saya menyertai Program ini?	Boleh. Namun begitu, harap maklum bahawa akaun pembiayaan anda hanya boleh didaftarkan dalam satu program bantuan bayaran sahaja pada satu masa.
10	Ketika ini, saya telah berdaftar dalam program yang bermula pada bulan Jun 2021. Adakah saya masih boleh menyertai program ini?	<p>Ya, anda boleh menyertai program ini. Namun begitu, harap maklum bahawa anda hanya boleh menyertai satu program pada satu masa. Dengan ini, anda mempunyai tiga pilihan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Segera beralih ke Program Bantuan Bayaran dan pilih salah satu daripada 2 pilihan. Rujuk S1.

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.

		<ul style="list-style-type: none"> • Tunggu sehingga program semasa berakhir dan kemudian sertai Program Bantuan Bayaran, sekiranya ianya masih dibuka untuk penyertaan. • Hubungi kami untuk membincangkan pilihan bantuan selanjutnya. Rujuk S3.
11	Adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen untuk memohon?	Tidak perlu.
12	Saya mempunyai sebilangan pinjaman/pembayaran dengan CIMB, adakah bantuan ini terpakai kepada semua pinjaman/pembayaran atau untuk yang tertentu sahaja?	<p>Anda diperlukan untuk membuat permohonan yang berasingan untuk setiap akaun pinjaman/pembayaran yang mana anda perlukan bantuan.</p> <p>Untuk mendapatkan kelulusan segera dan lancar, sila buat permohonan anda melalui eForm yang terdapat di laman web Covid-19 support kami www.cimb.com.my/covid19support</p>
13	Bagaimana pula dengan potongan bayaran automatik atau arahan tetap saya?	<p>Jika terdapat arahan tetap dengan CIMB atau bank lain, anda perlu mengemaskini arahan tetap anda sewajarnya dengan Bank yang demikian.</p> <p>Jika anda mempunyai potongan bayaran automatik, ianya akan dikemaskini mengikut pilihan yang dibuat melainkan jika diberitahu oleh pihak Bank.</p>
14	Adakah ianya lebih baik atau tidak untuk saya menyertai Program Bantuan Bayaran CIMB ini?	Kami ingin anda membuat keputusan yang tepat dan telah menyediakan butiran-butiran yang patut dipertimbangkan di dalam jadual A-B.
15	Adakah saya dibenarkan untuk menyemak semula pembayaran bulanan sekiranya keadaan kewangan saya bertambah baik?	<p>Ya, sila hubungi kami secepat mungkin apabila keadaan kewangan anda bertambah baik.</p> <p>Sila hubungi Pusat Panggilan kami di 03 6204 7788 atau e-mel kami di covidcare@cimb.com atau mengunjungi cawangan kami.</p> <p>Semakan semula pembayaran bulanan akan dapat membantu anda mengurangkan keseluruhan kos pinjaman/pembayaran.</p>
16	Saya tidak dapat membayar jumlah ansuran terakhir pada akhir pinjaman / pembayaran saya,	Kami mengesyorkan anda menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran (contoh, tempoh pinjaman/pembayaran dilanjutkan).

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.

	adakah jumlah ini dapat dikurangkan?	
17	Apa yang akan berlaku sekiranya saya sudah mempunyai perlindungan Insurans / Takaful untuk Pembiayaan Hartanah / Auto / Peribadi / Pembiayaan ASB saya?	<p>Tempoh perlindungan Insurans / Takaful untuk Pembiayaan Hartanah / Auto / Peribadi / Pembiayaan ASB anda tidak akan berubah, meskipun anda menyertai pelbagai program bantuan yang sedia ada.</p> <p>Harap maklum bahawa jangka masa perlindungan Insurans / Takaful anda tidak akan dilanjutkan secara automatik berikut sebarang lanjutan tempoh pinjaman / pembiayaan anda kerana program bantuan ini (jika ada).</p> <p>Sekiranya tempoh pinjaman / pembiayaan anda dilanjutkan selepas menyertai program bantuan bayaran, sila periksa sijil insurans/takaful anda untuk memastikan perlindungan tersebut mencukupi.</p> <p>Anda boleh melanjutkan jangka masa perlindungan agar sejajar dengan tempoh pinjaman / pembiayaan yang dipanjangkan dengan mengunjungi mana-mana Cawangan CIMB atau Wakil Jualan Bergerak: Mobile Sales Force – Retail & Enterprise Distribution Centre (MSF RED).</p> <p>Sila hubungi syarikat perlindungan Insurans / Takaful masing-masing jika anda tidak memperolehnya dari CIMB.</p>
18	Sekiranya saya ingin melanjutkan tempoh perlindungan Insurans / Takaful, adakah bayaran ansuran bulanan pinjaman / pembiayaan saya akan meningkat?	Bayaran ansuran bulanan pinjaman / pembiayaan anda tidak akan terkesan kerana premium / caruman anda dibayar secara langsung kepada Syarikat Insurans / Pengendali Takaful.

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.

Jadual A: Pembiayaan Hartanah dan Pinjaman/Pembiayaan ASB – Membuat keputusan yang tepat

Pembiayaan Hartanah dan ASB	Tawaran Program	
	Penangguhan bayaran selama 6 bulan	Pengurangan ansuran sebanyak 50% selama 6 bulan
Bayaran	<p>Ansuran untuk 6 bulan berikutnya akan ditangguhkan. Sebagai contoh, sekiranya anda memohon untuk program ini pada bulan Julai 2021, anda tidak perlu membuat bayaran dari bulan Ogos 2021 hingga Januari 2022.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran anda selepas tempoh 6 bulan tersebut berakhir. Dengan menggunakan contoh yang sama, anda mesti menyambung semula bayaran ansuran anda mulai dari bulan Februari 2022 dan seterusnya.</p>	<p>Pengurangan ansuran bulanan untuk 6 bulan. Sebagai contoh, jika anda memohon untuk program ini pada bulan Julai 2021, maka ansuran anda dari Ogos 2021 hingga Januari 2022 akan dikurangkan.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran bulanan penuh atau ansuran bulanan kemaskini anda selepas tempoh 6 bulan tersebut berakhir. Dengan menggunakan contoh yang sama di atas, jumlah ansuran penuh anda mesti dibuat pada bulan Februari 2022.</p>
Faedah/Keuntungan yang perlu dibayar	<p>Untuk Pembiayaan Konvensional dan Islamik, bahagian faedah/caj keuntungan akan terakru dan ia tidak akan dikompaun sepanjang tempoh penangguhan ansuran 6 bulan.</p> <p>Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan sepenuhnya sesuai dengan ansuran bulanan semasa anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang terdekat.</p>	<p>Bayaran bulanan yang telah dikurangkan dan akan dibayar dalam 6 bulan berikutnya akan terlebih dahulu digunakan untuk membayar faedah/caj keuntungan untuk bulan tersebut, dan kemudiannya untuk membayar baki pokok.</p> <p>Sekiranya bayaran bulanan yang dikurangkan selama 6 bulan ini tidak dapat membayar untuk faedah/caj keuntungan sepenuhnya setiap bulan, jumlah faedah/caj keuntungan yang belum dibayar tersebut itu akan terakru tetapi ia tidak akan dikompaun.</p> <p>Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh atau ansuran bulanan kemaskini anda selaras dengan ansuran bulanan semasa anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>
Bayaran bulanan yang belum dibayar	<p>Untuk Pinjaman Konvensional, jumlah bayaran bulanan yang belum dibayar sebelum program ini bermula akan ditambahkan kepada jumlah pokok pinjaman anda dan ini akan menyebabkan jumlah pokok anda untuk meningkat sebanyak kuantum faedah yang belum dibayar.</p> <p>Untuk Kemudahan Islamik, bayaran bulanan yang belum dibayar sebelum program ini bermula tidak akan dimasukkan ke dalam Baki Keseluruhan Kemudahan-</p> <p>Untuk pinjaman/pembiayaan hartaan di bawah pelepasan progresif, faedah/keuntungan <u>tidak akan</u> dimasukkan ke dalam jumlah pokok pinjaman/pembiayaan.</p>	<p>Untuk Pinjaman Konvensional, jumlah bayaran bulanan yang belum dibayar sebelum program ini bermula akan ditambahkan kepada jumlah pokok pinjaman anda dan ini akan menyebabkan jumlah pokok anda untuk meningkat sebanyak kuantum faedah yang belum dibayar.</p> <p>Untuk Kemudahan Islamik, bayaran bulanan yang belum dibayar sebelum program ini bermula tidak akan dimasukkan ke dalam Baki Keseluruhan Kemudahan-</p>
Lanjutan Tempoh	Tiada lanjutan tempoh. Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan kekal sama.	Tiada lanjutan tempoh. Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan kekal sama.
Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini.	<p>Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana tidak perlu membayar selama 6 bulan.</p> <p>Anda akan membayar jumlah yang lebih tinggi dalam jangka masa yang panjang oleh sebab berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Jumlah faedah/caj keuntungan akan meningkat apabila anda menyertai program ini. ✓ Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan kekal sama, anda mungkin perlu membayar jumlah akhir yang lebih tinggi pada tempoh kematangan. 	<p>Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana hanya perlu membayar amaun yang telah dikurangkan.</p> <p>Anda akan membayar jumlah yang lebih tinggi dalam jangka masa yang panjang oleh sebab berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Untuk 6 bulan yang berikut, bayaran anda yang telah dikurangkan akan digunakan untuk membayar faedah/caj keuntungan, meninggalkan jumlah yang lebih kecil untuk mengurangkan jumlah pokok anda. ✓ Sekiranya baki pokok dikurangkan mengikut jadual, faedah/caj keuntungan akan dikenakan pada baki pokok yang telah dikurangkan secara bulanan.

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.

	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pada akhir tempoh pinjaman/pembayaan, anda mungkin perlu membuat bayaran sekaligus. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Sekiranya anda menyertai program ini, jumlah pokok akan dikurangkan secara minimum, dan akan menyebabkan elemen faedah/caj keuntungan bagi pinjaman/pembayaan anda menjadi lebih tinggi. ✓ Pada akhir tempoh pinjaman/pembayaan, anda mungkin perlu membuat bayaran sekaligus.
--	---	---

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.

Jadual B: Pembiayaan Peribadi – Membuat keputusan yang tepat

Jenis Pinjaman / Pembiayaan Peribadi	Pinjaman Cash Plus / Pinjaman Xpress Cash (Konvensional)		Pembiayaan Cash Plus / Pembiayaan Xpress Cash/ Pembiayaan Peribadi Sektor Awam-i (Islamik)	
Tawaran Program	Penangguhan bayaran selama 6 bulan	Pengurangan ansuran sebanyak 50% selama 6 bulan	Penangguhan bayaran selama 6 bulan	Pengurangan ansuran sebanyak 50% selama 6 bulan
Bayaran	<p>Ansuran untuk 6 bulan berikutnya akan ditangguhkan. Contohnya, sekiranya anda memohon untuk program ini pada bulan Julai 2021, anda tidak perlu membuat bayaran dari bulan Ogos 2021 hingga Januari 2022.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran anda selepas tempoh penangguhan 6 bulan tersebut berakhir (contohnya: Februari 2022).</p>	<p>Pengurangan ansuran bulanan untuk 6 bulan. Contohnya, dari Ogos 2021 hingga Januari 2022 ansuran bulanan akan dikurangkan.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran bulanan anda selepas tempoh 6 bulan tersebut berakhir (contohnya: Februari 2022).</p>	<p>Ansuran untuk 6 bulan berikutnya akan ditangguhkan. Contohnya, sekiranya anda memohon untuk program ini pada bulan Julai 2021, anda tidak perlu membuat bayaran dari bulan Ogos 2021 hingga Januari 2022.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran anda selepas tempoh penangguhan 6 bulan tersebut berakhir (contohnya: Februari 2022).</p>	<p>Pengurangan ansuran bulanan untuk 6 bulan. Contohnya, dari Ogos 2021 hingga Januari 2022 ansuran bulanan akan dikurangkan.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran bulanan anda selepas tempoh 6 bulan tersebut berakhir (contohnya: Februari 2022).</p>
Faedah/ Caj keuntungan yang perlu dibayar	<p>Bahagian faedah akan terakru sepanjang tempoh penangguhan ansuran 6 bulan.</p> <p>Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>	<p>Bayaran bulanan yang telah dikurangkan dan akan dibayar dalam 6 bulan berikutnya akan terlebih dahulu digunakan untuk membayar faedah untuk bulan tersebut, dan kemudiannya untuk membayar baki pokok.</p> <p>Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>	<p>Bahagian caj keuntungan akan terakru sepanjang tempoh penangguhan ansuran 6 bulan. Walau bagaimanapun, TIADA caj keuntungan tambahan yang akan dikenakan sepanjang tempoh tersebut.</p> <p>Pada akhir 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh anda selaras dengan ansuran bulanan semasa anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>	<p>Bayaran bulanan yang telah dikurangkan dan akan dibayar dalam 6 bulan berikutnya akan terlebih dahulu digunakan untuk caj keuntungan untuk bulan tersebut, dan kemudiannya untuk membayar baki pokok. Walau bagaimanapun, TIADA caj keuntungan tambahan yang akan dikenakan sepanjang tempoh tersebut.</p> <p>Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>
Tempoh	<p>Tempoh pinjaman anda akan kekal sama.</p> <p>Bayaran sekaligus (<i>bullet payment</i>) mungkin akan dikenakan pada akhir tempoh pinjaman.</p>	<p>Tempoh pinjaman anda akan kekal sama.</p> <p>Bayaran sekaligus (<i>bullet payment</i>) mungkin akan dikenakan pada akhir tempoh pinjaman.</p>	<p>Tempoh pembiayaan anda akan kekal sama.</p> <p>Hanya tarikh matang pembiayaan anda akan berubah.</p>	<p>Tempoh pembiayaan anda akan kekal sama.</p> <p>Hanya tarikh matang pembiayaan anda akan berubah.</p>
Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini.	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Dalam jangka masa singkat, anda mendapat sedikit kelegaan kerana anda tidak perlu membayar selama 6 bulan. ✓ Jumlah faedah anda akan meningkat kerana anda menyertai program ini. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Dalam jangka masa singkat, anda mendapat sedikit kelegaan kerana hanya perlu membayar amaun yang telah dikurangkan. ✓ Untuk 6 bulan akan datang, bayaran yang telah dikurangkan akan dikenakan untuk bayaran 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Bayaran anda akan bersambung semula setelah tempoh penangguhan ansuran selama 6 bulan tersebut berakhir. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Dalam jangka masa singkat, anda mendapat sedikit kelegaan kerana hanya perlu membayar amaun yang telah dikurangkan ✓ Untuk 6 bulan akan datang, bayaran yang dikurangkan akan digunakan untuk

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.

		<p>faedah, jumlah bayaran pokok akan menjadi lebih kecil.</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Sekiranya baki pokok dikurangkan mengikut jadual, faedah akan dikenakan pada baki pokok yang telah dikurangkan setiap bulan. ✓ Sekiranya anda menyertai program ini, prinsipal akan dikurangkan kepada minimum, bermaksud faedah pinjaman anda akan menjadi lebih tinggi 		keuntungan, ini bermaksud jumlah bayaran pokok akan menjadi lebih kurang dan anda membayar untuk jangkamasa yang lebih lama.
--	--	---	--	--

Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.